



MEMO

Tarikh : 22 Julai 2021

Kepada : **YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah, MPC

Daripada : **Nor Halisa Mohamad Halil**
Program Manager, Professional Services Productivity Nexus (PSPN)

Melalui : **Dr. Mohamad Norjayadi Tamam**
Pengarah DMO

PERKARA : PERMOHONAN PERLANTIKAN IEM TRAINING CENTRE SDN BHD SEBAGAI PEMBEKAL MELALUI JPPK BAGI PROGRAM PSPN – GROWING ENGINEERING CONSULTANCY FIRMS

YBhg. Dato' KP,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. PSPN ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan perlantikan IEM Training Centre Sdn Bhd (IEMTC) bagi membolehkan PSPN menjalankan program susulan selepas program pilot: "Growing Engineering Consultancy Firms".
3. Untuk makluman YBhg Dato', PSPN telah menggunakan perkhidmatan IEMTC bagi program pilot tersebut yang dijangka berakhir pada 30 Julai 2021. Berikutan penyertaan yang menggalakkan dan kerjasama yang baik daripada IEMTC, PSPN sekali lagi ingin menjalankan program yang sama dengan menggunakan perkhidmatan IEMTC sebagai pembekal. Walaubagaimanapun, sistem penggiliran JPPK tidak membolehkan perkhidmatan pembekal yang sama digunakan secara berturut.
4. Oleh itu, PSPN ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk menyokong lantikan semula IEMTC berdasarkan justifikasi berikut:
 - a) *Growing Engineering Consultancy Firms* merupakan siri modul yang dibangunkan oleh IEMTC menggunakan model G&P dan dikendalikan oleh gabungan jurutera perunding pakar yang diiktiraf oleh IEM khusus untuk jurutera perunding.
 - b) Tambahan pula, MoU yang ditandatangani bersama MPC dan IEMTC pada 5 Disember 2020 yang lalu, telah dipersetujui untuk menggunakan perkhidmatan IEMTC bagi membimbing para jurutera perunding dalam membentuk consortium kejuruteraan.

5. Sehubungan itu, pihak PSPN ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan ini. Kami terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih di atas pertimbangan yang diberikan oleh YBhg. Dato'.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Disediakan oleh:



(NOR HALISA MOHAMAD HALIL)
Program Manager
Professional Services Productivity Nexus (PSPN)
Tarikh: 22 Julai 2021

Melalui Pengerusi JPPK:

Disokong / ~~Tidak Disokong~~



.....
(TUAN HAJI SUHAIMI BIN HAMAD)
Tarikh: 23/7/2021

Disokong / ~~Tidak Disokong~~



.....
(PUAN SALIZA SAARI)
Tarikh: 5/8/2021

Diluluskan / ~~Tidak Diluluskan~~



.....
(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: